

# MCA beli saham Nanyang secara telus: Dr Ling

**P**ETALING JAYA: Bekas presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik semalam, berkata keputusan parti itu membeli kepentingan kawalan dalam Nanyang Press Holdings Berhad pada 2001 adalah tepat dan ia pembelian yang baik.

Katanya, pembelian itu dibuat melalui proses demokrasi sepenuhnya dengan majlis presiden MCA meluluskan resolusi mengenainya sebelum ia diluluskan Jawatankuasa Pusat (CC) dan diluluskan perwakilan MCA pada Mesyuarat Agung Luar Biasa parti.

"Sebagai parti politik, parti politik

mana yang akan menolak peluang memiliki media kerana tugas utama mereka ialah menyebarkan berita. Mengapa kami beli *Star*, mengapa kami beli *Redifussion*, mengapa kami beli *Guardian* dan semua yang lain?

"Oleh itu saya serahkan kepada sesiapa jua yang ingin membuat penghakiman mengenainya. Ia melalui proses demokrasi sepenuhnya. Begitu juga halnya, kami sudah buat keputusan membeli *The Star* dan *The Star* kini akhbar yang baik," katanya pada siang media di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini.

Bagaimanapun, Dr Ling, yang juga pengerusi UTAR, berkata kini menjadi tanggungjawab lembaga pengarah Huaren Holdings Berhad, cawangan pelaburan MCA, untuk menentukan sama ada keputusan menjual kepentingan itu adalah tepat.

Dr Ling berkata demikian apabila ditanya sama ada MCA, ketika di bawah kepemimpinan beliau pada 2001, membuat kesilapan besar apabila membeli kepentingan kawalan dalam Nanyang Press Holdings Berhad.

Kelmarin, Jawatankuasa Pusat MCA meluluskan keputusan Huaren

Holdings Berhad menjual 21.02 peratus kepentingannya dalam Nanyang Press Holdings Bhd kepada Ezywood Options Sdn Bhd pada harga RM64.675 juta atau RM4.20 sesaham dan seterusnya tidak lagi menjadi pemegang saham terbesar *Nanyang Press*.

Eazy wood Options Sdn Bhd dimiliki keluarga ahli perniagaan terkemuka dan pemilik Sin Ghew Media Group Tan Sri Tiong Hiew King. Sebelum pengumuman itu, Huaren memiliki 42 peratus saham Nanyang Press Holdings Berhad dan pemilik saham terbesar syarikat itu.